

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, August 27, 2019 9:52 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mesyuarat Tentukan Hala Tuju Universiti Pengurusan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 OGOS 2019 / 26 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MESYUARAT TENTUKAN HALA TUJU UNIVERSITI PENGURUSAN



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani mempengerusikan Mesyuarat Pembentangan Pencapaian Pelan Strategik UUM bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat, semalam.

Jelasnya, pembentangan ini juga melihat pencapaian peringkat pusat pengajian (PP) dan pusat tanggungjawab (PTJ) sehingga 30 Jun 2019 justeru, penglibatan dekan-dekan dan ketua PTJ amat penting dalam memastikan setiap agenda yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Dalam Pelan Strategik UUM 2019 masih banyak yang perlu kita lakukan bagi menjadikan UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka.

"Saya tidak mahu dekan-dekan mengejar semua Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tetapi apa yang menjadi agenda utama adalah untuk mencapai apa yang dikehendaki.

“Dengan 171 KPI kalau nak kejar semua mungkin tak terkejar dengan kekangan masa, tenaga, kewangan. Jadi kita perlu fokus kepada agenda penting seperti *Branding*, *Internationalization* dan *Digitalisation*.

“Saya mengharapkan agar semua yang terlibat dapat meneruskan serta meningkatkan komitmen bagi merealisasikan setiap agenda yang telah ditetapkan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah IPQ, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd Mokhtar berkata, pada mesyuarat kali ini pihak yang terlibat membuat pembentangan mengikut teras masing-masing.

“Kita mempunyai 4 teras tetapi pada tahun ini ada penambahan di teras 1C iaitu *Community Engagement* selaras dengan saranan Menteri Pendidikan selain *Industry Engagement* dan IR4.0.

Ujarnya, pihak Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti merupakan sekretariat induk dalam Pelan Strategik UUM.

Pelan Strategik UUM dilaksanakan untuk menyokong beberapa agenda tertentu seperti MyRA, SETARA, QS Rankings, QS Ratings, THE Rankings dan UI GreenMetric Ranking.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.